



JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR



AT-TAQWA

Diterbitkan oleh : JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

web : www.muftiselangor.gov.my emel : mufti_sel@selangor.gov.my

التقوى

Berwajah Baru!

Valentine's Day

ISU DAN PERMASALAHAN SEMASA
**HUKUM ORANG ISLAM MENYAMBUT
PERAYAAN VALENTINE'S DAY**

ms 12



KEPUTUSAN FATWA NEGERI SELANGOR

AJARAN ILMU HAKIKAT HASSAN BIN JONIT

ms 18

**PENAUNG**

Sahibus Samahah

Dato' Setia Hj. Mohd. Tamyas B. Abd. Wahid
Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor**PENASIHAT**

Sahibus Samahah

Dato' Hj. Abdul Majid B. Hj. Omar
Timbalan Mufti Negeri Selangor**KETUA PENGARANG**

Ustaz Hj Mohd Basori B. Umar

KETUA EDITOR

Encik Mohammad Nabil B. Haji Abu Naim

SIDANG PENGARANG

Ustaz Hj. Zainal Abidin B. Sulaiman

Encik Abdul Razak B. Johar

Ustaz Nurhelmi B. Ikhsan

Ustaz Hairul Anuar B. Samingan

Ustazah Norzila Bt. Mohd Nor

Ustaz Abdul Latip B. Ibrahim

Ustazah Siti Maswari Bt. Daem

Cik Maznah Bt. Haripa

SIDANG EDITOR

Encik Yusrie Tay Kay Seng

Encik Ahmad Azhar B. Ahmad Radzuan

Cik Umi Sofiah Bt. Saad

Cik Norlida Bt. Abdullah

JURUTAIP

Ustazah Norhazanah Bt. Sarlan

Puan Norwashifaiha Bt. Radzuan

EDARAN

Encik Ramli B. Mohd Amin

Encik Khalid B. Abdul Hamid

Tuan Hj. Zasali B. Mohd. Yunus

Encik Amiruddin B. Hamzah

Encik Hanif B. Mohd Arif

DIREKABENTUK & DICETAK OLEH

Percetakan Zainon Kassim Sdn. Bhd.

Kota Damansara

03-6156 4938

Sahibus Samahah
Dato' Seri Utama Diraja
Mufti Negeri Selangor

Alhamdulillah, segala puji dan syukur saya panjatkan kehadrat Allah S.W.T. yang sentiasa melimpahkan taufiq dan hidayah-Nya kepada kita semua sehingga dapat melaksanakan tugas dan kewajipan sebagai khalifah. Selawat serta salam sejahtera sentiasa dilimpahkan kepada pemimpin agung sepanjang zaman, baginda Nabi Muhammad S.A.W., para ahli keluarga, sahabat, tabi'in dan generasi selanjutnya yang mengikut jejak langkah mereka sehingga ke akhir zaman nanti.

Sumber utama kemajuan ekonomi dan rangkaian kemajuan teknologi dalam era globalisasi adalah potensi rakyat sebuah negara. Ekonomi dunia tanpa sempadan memerlukan pekerja berpengetahuan, berkemahiran dan berdisiplin serta mempunyai komitmen yang tinggi serta bekerja secara bersistematis.

Hari Pekerja diraikan kerana negara dan masyarakat menghargai sumbangan pekerja kepada pembangunan negara. Selaku pekerja kita sentiasa berpadu tenaga mendokong cita-cita majikan untuk menarik lebih ramai pelabur-pelabur bagi menambah peluang pekerjaan kerana dengan usahasama diantara majikan dengan pelabur maka peluang pekerjaan sentiasa ada dengan matlamat pengangguran dapat ditangani semaksima yang mungkin.

Sebenarnya kita semua saling bergantung kepada semua pihak. Seperti kata orang, kita tidak mungkin bertepuk dengan sebelah tangan. Semasa tuan-tuan dan puan-puan merayakan Hari Pekerja ada baiknya jika kita memperingati diri kita sendiri akan bahaya yang akan datang melalui globalisasi. Kita harus berganding bahu dan menyusun langkah bersama supaya pertahanan spritual kita akan lebih berkesan. Pendidikan dan latihan kemahiran berkualiti yang berterusan juga akan memastikan modal insan negara kekal relevan dengan kehendak industri dan pasaran semasa serta mampu mendepani cabaran dan suasana persaingan antarabangsa yang kian meningkat.

Kemajuan yang dicapai oleh negara sejak merdeka adalah hasil daripada keamanan yang wujud, serta sokongan dan sumbangan semua pihak kepada usaha dan dasar Kerajaan. Dengan ini kita bukan sahaja dapat membangunkan negara dan memulihkannya apabila berlaku kemerosotan, tetapi juga menyelamatkan dan mempertahankan kebebasan dan kemerdekaan negara kita.

Sempena Hari Pekerja yang telah lalu marilah kita bersama-sama menanam tekad dan semangat baru untuk meningkatkan lagi ketaatan dan ketakwaan kita kepada Allah S.W.T., serta berbakti kepada agama, bangsa dan Negara. Amin.

"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"**Isi Kandungan** Buletin At-Taqwa Bil. 9

Perutusan Mufti, Sidang Redaksi	ms 2	Isu Dan Permasalahan Semasa - Hukum Orang Islam Menyambut Perayaan Valentine's Day	ms 12
Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Sessi 2006-2008	ms 3	Kemusykilan Agama - Anda Bertanya Jabatan Mufti Menjawab	ms 14
Aktiviti - Jabatan Mufti Pada Abad Ke 21	ms 4	Segmen Jawi - Isu-isu Ekonomi Dan Sosial Dalam Fatwa	ms 16
Kisah Tauladan - Muhammad Rasulullah S.A.W.: Insan Terulung Murabbi Teragung	ms 6	Keputusan Fatwa Negeri Selangor - Ajaran Ilmu Hakikat Hassan Bin Jonit	ms 18
Falak - Bumi	ms 8	Pengesahan Arah Kiblat	ms 19
Lensa	ms 10		



Sahibus Samahah Dato' Setia Haji Mohd. Tamyas Bin Abd. Wahid
Dato' Seri Utama DiRaja Mufti Negeri Selangor



Sahibus Samahah Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar
Timbalan Mufti Negeri Selangor



Y.B. Datin Paduka Hajjah Badariah Binti Hassan
Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor



Y.B. Dato' Dr. Amran Bin Kasimin
ADUN Bangi Merangkap Pembantu Exco Hal Ehwal Islam, Belia dan Mesra Rakyat Negeri Selangor



Y.Bhg. Prof. Madya Haji Md Saleh Bin Haji Md @ Haji Ahmad
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia



Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Zaleha Binti Kamaruddin
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia



Y.Bhg. Prof. Madya Dato' Haji Mohd Mokhtar Bin Haji Shafii
Universiti Malaysia




Y.Bhg. Dr. Zaidun Bin Kamari
Pemangku Pengarah, Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian



Y.Bhg. Tuan Haji Abdul Aziz Bin Andik Achok
Pendakwah Bebas



Y.Bhg. Tuan Haji Aluwi Bin Parman
Jabatan Agama Islam Selangor



Y.Bhg. Tuan Haji Othman Bin Hamzah
Imam Besar, Masjid Negeri Selangor



Y.Bhg. Tuan Haji Mohd. Basori Bin Umar
Jabatan Mufti Negeri Selangor



JABATAN MUFTI SELANGOR

PADA ABAD KE 21 Oleh: **Encik Abdul Razak B. Johar** (Bahagian Pentadbiran dan Kewangan)

1. MAJLIS PENERANGAN AJARAN AHMADIAH/QADIANI

Pada 21 Mac 2006, Jabatan Mufti Selangor telah mengadakan Majlis Penerangan Ajaran Ahmadiyah/Qadiani yang telah difatwakan terkeluar daripada Islam. Majlis ini diadakan di Kompleks Sri Siantan Batu Caves, Selayang. Majlis penerangan ini adalah bertujuan memberi pemahaman dan kesedaran kepada masyarakat tentang ajaran ini. Majlis seumpama ini merupakan salah satu daripada program turun padang jabatan ini yang dirancang sepanjang tahun 2006. Majlis penerangan tersebut telah disampaikan oleh S.S. Dato' Setia Hj. Mohd. Tamyas bin Abd. Wahid, Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor dan S.S. Dato' Hj. Abdul Majid bin Omar, Timbalan Mufti Negeri Selangor. Ia diikuti dengan sesi dialog dan soal jawab oleh para peserta. Seterusnya diakhiri dengan penyampaian risalah kepada wakil peserta.

Sasaran peserta adalah seramai 100 orang yang terdiri daripada kalangan ketua jabatan serta penjawat awam peringkat daerah Gombak, pihak Polis Diraja Malaysia, para penghulu, guru-guru sekolah daerah Gombak, Jawatankuasa penduduk serta Jawatankuasa masjid dan surau. Walaubagaimanapun, jumlah peserta yang hadir adalah melebihi daripada sasaran yang telah ditetapkan iaitu lebih kurang 200 orang peserta. Majlis ini juga mendapat sokongan yang padu dengan kehadiran Y.B. Dato' Ahmad Bhari bin Abd. Rahman, ADUN Taman Templer, Y.B. Tuan Yuszahari bin Hj. Mohd. Yusoff, ADUN Gombak Setia dan Y.B. Tuan Azman bin Wahid, ADUN Bukit Antarabangsa yang turut sama prihatin dengan perkembangan dan permasalahan ajaran ini.

2. MAJLIS PERTEMUAN ULAMA' DAN UMARA'

Pada 13 Mac 2006, Jabatan Mufti Negeri Selangor telah mengadakan Majlis Pertemuan Ulama' dan Umara' di Bilik Mesyuarat Raja Mahmud Zohdi, Tingkat 8, Jabatan Mufti Negeri Selangor. Majlis ini diadakan bertujuan untuk memberi penjelasan mengenai isu-isu terkini berkaitan

umat Islam. Antara lain objektif majlis tersebut adalah bagi menerangkan bahawa terdapatnya penajahan yang berterusan terhadap umat Islam dalam bentuk moral dan spiritual, berlakunya penghinaan dan gambaran buruk agama Islam serta penajahan budaya yang merendahkan budaya Islam, berlakunya penguasaan ekonomi golongan tertentu yang mengancam kestabilan institusi keluarga dan identiti bangsa, berlakunya cabaran terhadap undang-undang dan institusi agama yang dipelopori oleh orang Islam dan bukan Islam dan terdapatnya ancaman dalaman yang menjejaskan dan mengancam akidah serta ancaman agama lain yang membelakangkan undang-undang. Taklimat telah disampaikan oleh S.S. Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor,

3. MAJLIS PERPISAHAN KAKITANGAN

Pada 2 Mac 2006 satu majlis perpisahan bagi menghargai jasa dan usaha kakitangan yang bertukar telah diadakan. Mereka yang diraikan adalah Encik Abdul Hamid bin Arasat, Puan Norhidah binti Kampol dan Encik Mohd Fakhru Razi bin Milatusamsi. Penyampaian cenderahati sebagai tanda kenangan dan penghargaan telah disampaikan oleh S.S. Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor.

4. KURSUS FALAK SYARIE DAERAH KLANG

Pada 27 Februari hingga 1 Mac 2006 Jabatan Mufti Negeri Selangor telah mengadakan Kursus Falak Syarie Daerah Klang di Hotel Impian Morib, Banting Kuala Langat. Kursus tersebut dihadiri seramai 50 orang yang terdiri daripada imam, bilal dan guru dari Daerah Klang. Di dalam kursus tersebut para peserta diajar kaedah pengiraan taqvim Hijri dan Masihi, kaedah pengiraan azimuth kiblat, kaedah penentuan arah kiblat, kaedah pengiraan waktu solat berdasarkan teori pergerakan matahari dan almanak serta kaedah penentuan awal bulan Islam berdasarkan kriteria Imkannur Rukyah. Encik Baharuddin bin Zainal dari KUSZA telah dijemput sebagai penceramah bagi kursus tersebut. Majlis penutup telah disempurnakan oleh S.S. Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor.



5. BENGKEL PENYEDIAAN DOKUMEN ISO BAHAGIAN FALAK SYARIE

Pada 20 dan 21 Februari 2006, Bahagian Falak Syarie, Jabatan Mufti Negeri Selangor telah mengadakan Bengkel Penyediaan Dokumen ISO di Hotel Empress Bandar Baru Salak Tinggi. Bengkel tersebut telah dihadiri oleh pegawai dan kakitangan bahagian ini dan dua orang jururunding dari Syarikat Paksi Rezeki.

6. BENGKEL PENYEDIAAN PROSIDING MULTAQ SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH DAN SEMINAR SELANGOR MAJU: PENERAJU PEMBANGUNAN SOSIAL BERTERASKAN ISLAM

Rentetan dari Multaq Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Seminar Selangor Maju: Peneraju Pembangunan Sosial Berteraskan Islam, dua bengkel bagi menghasilkan prosiding yang lengkap telah diadakan iaitu pada 16 hingga 18 Januari, 2006 di Hotel Goldcourse, Klang dan pada 10 hingga 12 Februari, 2006 di Hotel Impian Morib, Kuala Langat. Bengkel ini telah disertai oleh pelbagai agensi seperti Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), JAIS, PDRM, Jabatan Kebajikan Masyarakat Selangor, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), INMIND, Small and Medium Industries Development Corporation (SMIDEC) dan Ikatan Intelektual Muda Malaysia (ILMI). Bengkel ini menjurus kepada proses penyemakan dan pemurnian kertas kerja. Secara keseluruhannya bengkel ini merupakan langkah pengumpulan, perbincangan, penghuraian dan perumusan kertas kerja serta pandangan untuk menghasilkan prosiding.

7. MENERIMA KUNJUNGAN DARI MASJID KAMPUNG LUBUK KELUBI, HULU LANGAT

Pada 2 Februari 2006 Jabatan Mufti Negeri Selangor telah menerima kunjungan daripada AJK Masjid Kampung Lubuk Kelubi, Hulu Langat, Selangor. Ia bertujuan untuk mengetahui dengan lebih mendalam berkenaan fungsi jabatan ini sekaligus sebagai satu cara untuk merapatkan hubungan di antara AJK masjid tersebut dengan warga kerja jabatan ini.

8. KURSUS JURUAUDIT DALAMAN ISO JABATAN

Pada 23 dan 24 Januari 2006 jabatan ini telah mengadakan Kursus Juruaudit Dalam ISO di Hotel Impian Morib, Kuala Langat. Kursus ini bertujuan untuk mendalami dan memperhalusi teknik-teknik serta kemahiran yang perlu ada pada seorang juruaudit dalaman. Diikuti oleh 10 orang kakitangan jabatan. Kursus yang singkat ini telah berjaya memantapkan lagi kemahiran dan pengetahuan para peserta. Majlis penutup disempurnakan oleh S.S Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor sebagai tanda keprihatinan dan sokongan beliau dalam memantapkan pentadbiran dan sistem kerja jabatan.

9. ANUGERAH PENGURUSAN KEWANGAN NEGERI SELANGOR 2005

Pada 20 Januari, 2006 Jabatan Mufti Negeri Selangor mengulangi kejayaan memenangi Anugerah Pengurusan Kewangan Negeri Selangor. Jabatan juga turut memenangi Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) yang mana kedua-dua anugerah tersebut

adalah untuk Kategori C bagi tahun 2005. Jabatan ini telah menerima Hadiah Prestasi berupa wang tunai berjumlah RM3,000.00 bagi setiap satu anugerah yang dimenangi.

10. MULTAQ SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH DAN SEMINAR SELANGOR MAJU: PENERAJU PEMBANGUNAN SOSIAL BERTERASKAN ISLAM.

Pada 2 dan 3 Disember 2005 bersempena Ulangtahn Keputeraan D.Y.M.M. Sultan Selangor yang ke 60, Kerajaan Negeri Selangor dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri Selangor telah menganjurkan Multaq Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Seminar Selangor Maju: Peneraju Pembangunan Sosial Berteraskan Islam, 2005. Sebanyak 10 kertas kerja dibentangkan. Syarahan Utama yang bertajuk "Kepentingan Sosial Pembangunan Ummah dalam Sebuah Negeri Maju: Islam sebagai Cara Hidup dan Pembangunan Sosial" telah disampaikan oleh Prof Madya Dr. Syed Farid Alatas, Jabatan Sosiologi, fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Kebangsaan Singapura

11. PROGRAM AUDIT PEMANTAUAN MS ISO 9001: 2000

Pada 12 Oktober 2005 satu program Audit Pemantauan Pertama oleh pihak SIRIM telah dijalankan di Jabatan ini. Ianya adalah bertujuan memastikan keperluan-keperluan Standard MS ISO 9001: 2000 sentiasa dipatuhi selepas menerima pengiktirafan. Proses audit ini dilaksanakan oleh Tuan Hj. Ali Bin Burhan.

Jadual pertukaran kakitangan

Nama Pegawai dan Jawatan	Bertukar Ke	Tarikh
Encik Abdul Hamid B. Arasat, Pembantu Tadbir, Gred N17.	Pejabat Daerah dan Tanah Klang	3/12/2005
Puan Norhidah Bt. Kampol, Pembantu Tadbir, Gred N17.	Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat	1/12/2005
Encik Mohd Fakhrol Razi B. Milatusamsi, Pembantu Hal Ehwal Islam (Sambilan), Gred S17.	Majlis Sukan Negara	31/1/2006

Jadual kemasukan kakitangan baru

Nama Pegawai dan Jawatan	Bertukar Dari	Tarikh
Cik Noor Azlenna Bt. Mohd Zainuddin, Pembantu Tadbir, Gred N17.	Jabatan Perbendaharaan Negeri Selangor	1/2/2006
Encik Ramli B. Mohd Amin, Pembantu Tadbir, Gred N17.	Pejabat Daerah Tanah Klang	1/12/2005

MUHAMMAD RASULULLAH S.A.W INSAN TERULUNG MURABBI TERAGUNG

Oleh: Ustaz Nurheli B. Ikhsan (Bahagian Istisbat)

Pendahuluan

Rahmat Allah S.W.T. yang sifat-Nya sebagai maha Pengasih dan maha Penyayang kepada hamba-hamba-Nya amat jelas sekali apabila diutuskan para nabi dan rasul yang di antara tugasnya adalah menyampaikan dan menyebarkan risalah dakwah kepada seluruh umat manusia. Para nabi dan rasul ini bertanggungjawab untuk memimpin manusia ke jalan yang benar dan diredhai Allah demi kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat sepertimana yang telah diungkapkan dalam al-Quran sejak berabad yang lalu.

Ringkasan Riwayat Hidup Rasulullah S.A.W. Rasulullah S.A.W. membawa syariat Allah yang terakhir sekali iaitu agama Islam untuk seluruh umat manusia sehingga akhir zaman. Agama Islam merupakan satu syariat yang lengkap dan sempurna, sesuai bagi semua bangsa, tempat keadaan dan zaman. Tidak wujud agama dan syariat yang baru selepas kewafatan Rasulullah S.A.W.

Muhammad bin Abdullah berasal daripada keturunan kaum Quraisy, kabilah yang dipandang tinggi, mulia dan dihormati oleh masyarakat Arab ketika itu. Ayahanda baginda bernama Abdullah bin Abdul Mutallib bin Hasyim bin Abdul Manaf bin Qusai bin Kilab. Manakala ibunya ialah Aminah binti Wahab bin Abdi Manaf bin Zuhrah bin Kilab. Salasilah keturunan kedua ibubapa baginda bersambung hinggalah kepada Nabi Ibrahim A.S.

Ketika baginda dilahirkan, masyarakat Arab ketika itu merupakan kabilah atau suku yang berpecah-belah yang sentiasa hidup dalam persengketaan dan mempertuturkan runtutan hawa nafsu semata-mata. Adalah menjadi suatu kebanggaan bagi masyarakat Arab ketika itu membunuh anak-anak perempuan mereka. Barangsiapa yang mempunyai kekuatan, kedudukan yang tinggi dan berkuasa, dialah yang akan dihormati dan disanjung tinggi. Mereka hidup dalam kejahatan dengan menyembah patung-patung berhala yang mereka buat sendiri daripada buah kurma dan sentiasa menindas kaum wanita yang lemah. Inilah di antara senario kemerosotan akhlak dan begitu buruknya sikap umat ketika itu yang hanya bertunjangkan hawa nafsu semata-mata.

Atas dasar itulah, ia menjadi rahmat Allah kepada mereka dengan mengatur sistem kehidupan manusia dengan mengutus seorang lelaki di kalangan mereka sendiri iaitu Muhammad S.A.W. yang telah diwahyukan kepadanya tugas-tugas kerasulan bagi memimpin umat manusia ketika itu ke jalan yang benar. Baginda dilahirkan pada hari Isnin, 12 Rabiul Awwal Tahun Gajah bersamaan 20 Ogos 570 Masihi di Kota Mekah. Tujuh hari selepas kelahiran baginda, datuknya Abdul Mutallib telah membawa baginda mengelilingi dan masuk ke dalam Kaabah. Setelah itu, Abdul Mutallib memberikan nama kepada cucu lelaki yang amat dikasihinya dengan nama Muhammad yang bermaksud terpuji. Abdul Mutallib menamakan baginda dengan Muhammad bertujuan supaya ia di puji oleh Tuhan dan semua makhluk di muka bumi. Nama seperti ini tidak pernah digunakan oleh masyarakat Arab sebelum itu.

Kelahiran Nabi Muhammad S.A.W. membawa satu bentuk cahaya baru bagi umat manusia dan dunia keseluruhannya. Baginda membawa seruan suci dan memimpin umat manusia ke arah kehidupan yang bermoral, berintegriti dan bersistematik dalam semua urusan sama ada melibatkan kepentingan dan kebahagiaan kehidupan di dunia mahupun di akhirat. Nabi Muhammad S.A.W. dilahirkan dalam keadaan yatim. Ayahandanya meninggal dunia ketika baginda masih lagi dalam kandungan ibunya. Mengikut adat kebiasaan bangsawan Arab Mekah, setiap anak yang lahir tidak disusukan oleh ibunya sendiri. Justeru itu, baginda diserahkan kepada seorang wanita di kampung untuk menyusukannya. Wanita yang bertuah dan beruntung menyusukan baginda ialah Halimah binti az-Zu'aid as-Saadiyah, dari perkampungan Bani Saad yang mengasuh baginda selama 4 tahun. Sepanjang tempoh tersebut, baginda menikmati ketenangan dan kebebasan jiwa dalam suasana kampung yang aman dan damai dari segala keburukan dan kejahatan.

Setelah dipelihara oleh Halimah as-Saadiyah dengan penuh belaian dan perasaan kasih sayang, baginda diserahkan semula kepada ibunya. Ketika berusia 6 tahun, baginda telah dibawa oleh ibunya ke Kota Yathrib (Madinah) bagi menziarahi bapa saudara sebelah ibunya dan baginda juga menziarahi

makam pusara ayahandanya di sana. Dalam perjalanan pulang ke Mekah, ibunya, Aminah telah ditimpa sakit lalu meninggal dunia dan jenazahnya dibeumikan di Abwa' iaitu sebuah kampung yang terletak di antara Kota Madinah dan Mekah.

Baginda telah menjadi yatim piatu ketika baru berusia seawal 6 tahun. Lalu dibawa pulang ke Mekah oleh pengasuhnya, Ummu Aiman. Kepulangan baginda disambut oleh datuknya, Abdul Mutallib dengan perasaan sedih dan terharu. Semenjak detik itu, baginda dipelihara dan dijaga dengan penuh kasih sayang oleh Abdul Mutallib. Takdir Allah mengatasi perancangan manusia, baginda sekali lagi merasai kesedihan dan ujian Allah apabila datuknya meninggal dunia ketika usia baginda menginjak 8 tahun.

Sebelum meninggal dunia, Abdul Mutallib mewasiatkan kepada anaknya, Abu Talib supaya memelihara baginda dengan sempurna dan penuh rasa tanggungjawab. Abu Talib, bapa saudara baginda adalah seorang yang terkenal, dihormati dan mempunyai pengaruh di kalangan kaum Quraisy. Tetapi hidupnya serba sederhana dan tidak mempunyai harta. Walaupun memiliki beberapa orang anak, namun kasih sayang yang dicurahkan kepada baginda melebihi daripada anak-anaknya sendiri. Ini disebabkan baginda mempunyai budi pekerti yang mulia dan luhur, cerdik, suka berbakti, bersopan santun, peramah serta baik hati.

Riwayat hidup baginda sewaktu kecil amat menarik perhatian. Sikap dan budi pekertinya sangat bebeza dengan kanak-kanak lain yang sebaya dengannya. Baginda tidak pernah meminta mahupun mengambil hak orang lain. Tidak bersikap tamak atau gelojoh. Baginda juga tidak pernah meminta sesuatu melebihi dari apa yang diberikan kepadanya. Baginda juga dilihat tidak gemar dengan sikap dan kelakuan kanak-kanak lain yang rakus dan berebut-rebut makanan di hadapan hidangan.

Sifat dan sikap terpuji baginda ini sangat menarik perhatian Abu Talib. Sebab itulah perasaan kasih sayang kepada anak saudaranya itu semakin mendalam. Ummu Aiman, pengasuh baginda pernah berkata, 'dari sejak kecil hingga dewasa, tidak

pernah saya melihat dia (Muhammad) mengadu kelaparan atau kehausan. Dia selalu minum air zam-zam. Apabila saya mengajaknya makan tengahari, maka dia mengatakan bahawa dia sudah kenyang. Dengan sifat-sifat yang mulia, budi pekerti yang luhur serta mudah pula merasai penderitaan orang lain, baginda menjadi kesayangan di kalangan kaum keluarga dan orang yang rapat dengannya.

Baginda membesar dan menempuh hidup dalam suasana kehidupan berpaksikan kesesatan masyarakat jahiliyyah dan kaum keluarga yang menyembah patung-patung berhala. Namun demikian, baginda tetap terpelihara dari sebarang bentuk kemaksiatan dan membesar dalam keadaan kesempurnaan akal dan jasad, budi dan adab sopan, sehingga terkenal di kalangan penduduk Mekah. Baginda dibesarkan dalam suasana kehidupan sebagai manusia yang sempurna, walhal kaumnya masih mempunyai dan mengamalkan peradaban yang rendah.

Mengikut kebiasaan yang berlaku pada ketika itu, seorang anak yatim piatu yang mempunyai nasib yang sama seperti baginda, watak dan sikapnya akan dibentuk oleh pengaruh persekitaran masyarakat yang dilihatnya sejak kecil. Tetapi ia tidak berlaku kepada Nabi Muhammad S.A.W. Semenjak kecil lagi baginda telah merasa benci kepada fahaman dan perlakuan masyarakat jahiliyyah yang menyembah berhala. Aqidah kepercayaan baginda adalah suci dan terpelihara sepertimana tergambar serta terzahir dalam wataknya yang berbudi pekerti yang tinggi dan mulia.

Menjelang usia dewasa, baginda tidak pernah melakukan sebarang bentuk perlakuan keji dan maksiat seperti tidak meminum arak, tidak menikmati hiburan yang melampaui batas serta tidak hidup berpoya-poya seperti tabiat kebiasaan yang selalu diamalkan oleh para pemuda Arab Mekah ketika itu. Baginda tidak pernah tunduk menyembah berhala, walaupun perbuatan tersebut menjadi amalan kebanyakan bangsa Arab.

Baginda juga dilihat tidak pernah menggunakan bahasa yang kotor dan kasar, serta tidak pernah berbohong atau berdusta. Baginda sangat menghormati bukan sahaja kepada orang-orang tua, malahan orang-orang muda dan amat mengasihi kanak-kanak, anak yatim dan wanita yang kehilangan suami. Baginda telah memperlihatkan kualiti seorang manusia yang unggul apabila sentiasa berusaha untuk membantu orang lain

walaupun baginda sendiri dalam keadaan serba kekurangan.



Nabi Muhammad S.A.W. amat kasih dan sayang kepada sahabat-sahabatnya dan satu sikap yang amat terpuji adalah baginda sentiasa memaafkan orang lain terutama musuh-musuhnya. Baginda sentiasa melemparkan riak wajah yang manis yang boleh menyenangkan hati semua orang. Ia tidak suka memperkatakan tentang keburukan dan keaiban orang lain dan sentiasa bersangka baik terhadap semua orang. Baginda lebih suka menjadi orang yang pertama memberi salam dan mendoakan kesejahteraan kepada sahabat-sahabatnya. Kadangkala baginda memanggil mereka dengan nama-nama yang menyenangkan untuk menunjukkan betapa kasih dan mesranya baginda kepada mereka. Sekiranya seseorang sahabat pernah membantunya, baginda amat menghargai pertolongan tersebut buat selama-lamanya.

Baginda juga apabila berkata-kata, ia bersungguh. Walaupun demikian, baginda juga mempunyai perwatakan yang suka bersenda-gurau dan tertawa, tetapi tidak menyimpang dari dasar kebenaran dan tidak berlebih-lebihan. Apabila marah, tidak tergambar kemarahannya, hanya kelihatan antara dua keningnya sedikit peluh. Ini kerana baginda amat penyabar dan sentiasa menahan rasa marah dan tidak mahu melemparkan kemarahannya kepada orang lain.

Semua ini berlaku kerana baginda mempunyai sifat berlapang dada dan menghargai orang lain. Baginda juga mempunyai sikap yang tegas dan tidak pernah berasa ragu. Sebelum mengambil sesuatu keputusan, baginda akan memikirkan dan mempertimbangkannya terlebih dahulu. Sifat sedemikian sudah sebatih dalam diri baginda dan mendatangkan keselesaan kepada semua orang.

Lain-lain sifat keistimewaan yang ada dalam diri baginda ialah cerdik, bijaksana dan cepat berfikir

serta bertindak. Sebelum diutuskan menjadi nabi dan rasul lagi, baginda sentiasa diminta untuk memberikan buah fikiran, pendapat dan pandangan daripada pelbagai peringkat masyarakat Arab ketika itu bagi menyelesaikan sebarang kesulitan, terutamanya dalam penyelesaian masalah berbangkit. Segala pandangan dan pendapat yang diberikan umumnya selalu diterima dan dihormati.

Jiwa dan sanubari seorang insan terulung yang bernama Muhammad bin Abdullah ini adalah jiwa yang suci, yang ingin melihat, merenung dan berfikir. Jiwanya yang suci tergambarkan melalui sifat dan sikapnya yang amat termasyhur semenjak dari kecil lagi iaitu amanah. Sifat amanah yang menghiasai peribadinya sentiasa menjadi amalan dalam kehidupan seharian sama ada dalam bentuk perbuatan mahupun perkataan. Sehingga penduduk Mekah menggelar baginda dengan gelaran 'al-amin' yang bermaksud boleh dipercayai. Dalam pada itu, baginda juga digelar dengan gelaran 'as-sadiq' membawa maksud benar. Sebab itulah sebilangan besar masyarakat Mekah menamai baginda dengan gelaran 'as-sadiqul amin' yang berkata benar lagi dipercayai.

Penutup

Semua sifat-sifat mahmudah yang utama terdapat dalam diri dan sentiasa menghiasi keperibadian baginda yang unggul. Ia memancarkan suatu cahaya yang amat indah serta sangat menarik perhatian umum. Inilah sebaik-baik ikutan. Oleh sebab itu, setiap individu yang pernah menemui baginda, sama ada semasa mudanya, sebelum menjadi nabi dan rasul mahupun sesudah menjadi nabi dan rasul akan menghormati baginda. Walaupun terdapat sebilangan yang memusuhinya setelah baginda diutus menjadi nabi dan rasul, tetapi permusuhan yang wujud adalah disebabkan keengganan mereka mengikut perintah Allah S.W.T., bukan kerana permusuhan dan kebencian terhadap diri dan peribadi baginda.

Rasulullah S.A.W. tidak mewariskan sebarang harta untuk umatnya. Walaupun demikian, baginda meninggalkan agama Islam sebagai warisan peninggalan yang abadi kepada seluruh umat manusia di serata pelusuk dunia. Islam adalah satu-satunya agama yang mengandungi peradaban yang agung dan mulia serta bersifat universal. Kelangsungan syiar Islam perlu terus dipelihara serta dibajai dengan benih-benih keimanan yang utuh dan keikhlasan yang kukuh agar kegemilangan Islam terus bersinar selama-lamanya.

BUMI

Oleh: Ustaz Hairul Anwar B. Samingan (Bahagian Falak Syarie)

Pengenalan

Bumi dikenali sebagai "al-ardhu" dalam bahasa arab dan "earth" dalam bahasa Inggeris. Ia merupakan planet ketiga dari matahari selepas planet Utarid dan Zuhrah dalam sistem suria. Dijangkakan bumi telah berusia selama 4,600 juta tahun. Bentuk bumi adalah ellipsoid iaitu bulat tetapi leper sejarak 133 km di kedua-dua sisinya. Jejari bumi di khatulistiwa ialah 6378.14 km dengan ukur lilitnya 40 084 km dan mempunyai garis pusat sepanjang 12,756 kilometer.

Asal Usul Kejadian

Menurut ahli falsafah Yunani bernama Anaximenes (585-528 SM), mengatakan bahawa alam semesta berasal dari udara yang berkumpul, lalu padat menjadi awan. Awan yang cair menjadi hujan manakala awan yang beku pula menjadi tanah dan batu, iaitu bumi. Kejadian matahari, bulan dan bintang pula wujud dari wap bumi. Wap yang keluar dalam bentuk api telah membentuk matahari. Bumi berbentuk datar seperti meja dan ia ditampung oleh udara

Dalam kajian kosmologi moden, kejadian alam semesta adalah hasil daripada teori letupan besar dan teori keadaan mantap. Menurut ahli astronomi Belgium bernama George Lemaitre pada tahun 1927, alam semesta ini sedang bergerak menjauhi di antara satu sama lain disebabkan letupan besar yang telah berlaku pada satu jisim mampat, kira-kira 15 ribu juta tahun dahulu. Berdasarkan teori ini, serpihan jisim selepas letupan besar yang berlaku telah mewujudkan galaksi, planet, debu-debu angkasa dan segala khazanah alam setelah mengalami pelbagai proses. Kesemua jisim tersebut masih lagi bergerak ke seluruh pelusuk alam hasil tenaga dari letupan tersebut.

Dari segi kepercayaan tauhid, sesuatu selain dari Allah S.W.T. mesti ada awal dan akhir. Walau apa pun teori ten-tangnya, hendaklah diyakini bahawa alam ini bersifat 'baharu' iaitu bermulanya dengan tiada dan berakhirnya juga dengan tiada. Persoalan untuk mengetahui asal kejadian alam tidak akan dapat diselesaikan tanpa kita berpegang kepada sunnatullah.

Menurut ilmu kosmologi Islam, alam semesta berasal dari asap (dukhan) sebagaimana dijelaskan oleh firman Allah S.W.T.:

"Kemudian Dia (Allah) menunjukkan kehendak-Nya kepada penciptaan langit, sedangkan langit ketika itu masih berupa asap.."

(Surah Fussilat: 11)

"Apakah orang-orang kafir itu tidak mengetahui bahawa sesungguhnya langit dan bumi itu pada asalnya bercantum (sebagai benda yang satu), lalu Kami (Allah) pisahkan di antara kedua-duanya dan Kami jadikan daripada air tiap-tiap benda yang hidup? Maka mengapa mereka tidak mahu beriman?"

(Surah al-Anbiya': 30)

Ayat di atas menghuraikan bahawa alam semesta sebelum kejadiannya adalah berbentuk paduan dari satu jisim yang wujud hasil paduan (ratq) gas-gas dengan debu-debu angkasa yang disebut sebagai dukhan. Jisim ini kemudiannya berputar ligat disebabkan tekanan dari pusatnya, menghasilkan tekanan yang menyebabkan

berlakunya letupan dan menghancurkan jisim berkenaan. Pecahan dari jisim ini seterusnya membentuk objek angkasa seperti penciptaan langit dan bumi. Objek angkasa ini akan terus bergerak dalam ruang angkasa sehingga waktu yang telah ditentukan. Pergerakan ini katakan sebagai proses pengembangan alam secara berterusan yang mana mutakhir ini masih terdapat banyak penemuan-penemuan baru objek angkasa melalui penyelidikan aero-angkasa.

Dengan kemampuan akal manusia dan teknologi yang terbatas, penciptaan bumi menunjukkan kebesaran Allah S.W.T. di alam ini. Firman Allah S.W.T.:

"Dan langit itu Kami (Allah) bina dengan kekuasaan kami (dalam bentuk binaan yang kukuh) sedangkan sesungguhnya kami benar-benar berkuasa. Dan bumi pula kami hamparkan (untuk kemudahan kamu mendiaminya), maka kamilah sebaik-baik yang menghamparkannya."
(Surah al-Dhariyat: 47-48)

Kandungan

Dari ruang angkasa lepas, bumi dapat dilihat sebagai satu jasad berwarna biru, perang dan hijau, iaitu kesan daripada warna-warna lautan,

daratan dan tumbuh-tumbuhan bumi. Di bahagian luar lapisan bumi terdapat tanah untuk kediaan, pertanian, gunung-ganang dan tanah-tanah pamah yang dikenali sebagai kerak bumi iaitu litosfera, kemudian diikuti oleh permukaan lautan (hidrosfera), lapisan batu-batan yang kaya dengan galian (mesosfera) dan lapisan yang paling dalam iaitu pusat bumi. Kerak bumi lebih nipis di dasar laut iaitu sekitar 5 kilometer. Kerak bumi terbahagi kepada beberapa bahagian dan bergerak melalui pergerakan plat tektonik (teori hanyutan benua) menghasilkan gempa bumi.

Bumi mempunyai lapisan udara (atmosfera) dan medan magnet (magnetosfera) yang melindungi permukaan bumi daripada angin suria, sinaran ultra merbahaya dan radiasi dari angkasa lepas bagi membolehkan sebarang kehidupan. Lapisan udara ini menyelitupi bumi sehingga ketinggian 700 kilometer dan yang selebihnya dianggap angkasa lepas.

Atmosfera bumi mengandungi gas-gas nitrogen sebanyak 75%, oksigen (23%), karbon dioksida dan gas-gas lengai (2 %). Atmosfera kekal di sekeliling bumi disebabkan tarikan graviti. Lapisan ini semakin tumpat pada paras purata laut dan menipis apabila semakin tinggi. Pembahagian lapisan atmosfera adalah mengikut kadar ketumpatannya, bermula daripada lapisan troposfera, stratosfera, mesosfera, termosfera, dan Eksosfera. Atmosfera menjadi penting bagi bumi dan penghuninya disebabkan:

1. Kandungan atmosfera mengandungi gas yang sesuai untuk pernafasan.
2. Lapisan atmosfera menapis sinaran matahari yang merbahaya dari sampai ke bumi.

3. Lapisan atmosfera membantu memerangkap haba daripada sinaran matahari dan ini membantu menyeimbangkan suhu permukaan bumi. Perbezaan suhu yang kecil di antara waktu siang dan malam adalah di antara ciri-ciri penting untuk membolehkan kehidupan wujud di muka bumi.
4. Molekul dalam atmosfera membantu menyerakkan cahaya matahari ke persekitaran, menjadikan panorama bumi begitu indah.

Lapisan ozon, setinggi 50 kilometer, wujud di lapisan Stratosfera dan Mesosfera. Ia merupakan sejenis gas hasil rangkaian 3 atom oksigen atau trioksigen (O_3) yang dapat melindungi manusia daripada sinaran ultra-lembayung matahari yang merbahaya, terutama terhadap kulit dan sistem pelalian manusia.

Walau bagaimanapun sejak beberapa dekad yang lalu, melalui kajian yang dijalankan didapati lapisan ozon semakin nipis. Kajian saintifik menunjukkan penipisan ini berpunca daripada karbon klorofluro (CFC) yang terbebas ke udara dan akan memasuki stratosfera, di mana CFC akan dihuraikan menjadi unsur klorin yang aktif sehingga dapat merosakkan lapisan ozon dengan cara memusnahkan molekul ozon. CFC merupakan bahan kimia digunakan sebagai gas penyejuk dalam peti sejuk, alat penghawa dingin.


Bumi mempunyai 1 satelit asli iaitu bulan. 70.8% permukaan bumi diseliputi air. Udara Bumi terdiri daripada 78% nitrogen, 21% oksigen, dan 1% wap air, karbon dioksida, dan gas lain. Bumi dianggarkan mempunyai teras dalam bumi yang terdiri daripada besi nikel beku setebal 1,370

kilometer dengan suhu mencecah $4,500^\circ\text{C}$, diselitupi pula oleh teras luar yang cair setebal 2,100 kilometer, diselitupi pula oleh mantle silika padu setebal 2,800 kilometer membentuk 83% isipadu bumi, dan akhir sekali diselitupi oleh kerak batu silika hampir 100 kilometer tebal.

- Puncak tertinggi : Gunung Everest (8,848 meter)
- Lautan terdalam : Mencecah 10,924 m
- Tasik tertinggi : Tasik Titicaca
- Tasik terbesar : Laut Caspian
- Lautan terbesar : Lautan Pasifik.
- Berat jisim Bumi : 59,760 juta juta tan
- Ketumpatan Bumi : 5,500 kilogram setiap meter persegi
- Pengukuran Gravitasi Bumi : 10 N kg⁻¹
- Keluasan Bumi:
 - Lebih 2/3 kawasan Bumi dilitupi oleh air
 - 12% daripada kawasan Bumi merupakan padang pasir.
 - Keseluruhan: 510.073 juta km²
 - Daratan: 148.94 million km² (29.2%)
 - Lautan: 361.132 million km² (70.8%)
 - Sempadan daratan: 251,480.24 km
 - Persisiran pantai: 356,000 km

Sistem Peredaran

Bumi bergerak mengelilingi matahari pada kelajuan purata 30 km/s dalam orbit berbentuk elips. Dalam pergerakan ini, bumi akan berada di titik terjauh daripada matahari iaitu afelion lebih kurang pada 4 Julai dan berada di titik terdekat (perihelion) pada 4 Januari setiap tahun. Jarak purata Bumi dengan matahari adalah 149.6 juta kilometer. Sehari di Bumi bersamaan 24 jam dan setahun di bumi bersamaan 365.25 hari.





1. S.S Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor menyampaikan taklimat pada Majlis Penerangan Ajaran Ahmadiyah/Qadiani.

2. Sebahagian yang hadir pada Majlis Penerangan Ajaran Ahmadiyah/Qadiani.



3. S.S Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor menyampaikan taklimat pada Majlis Pertemuan Ulama' dan Umara'.

4. Sebahagian yang hadir pada Majlis Pertemuan Ulama' dan Umara'.

5. S.S Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor bergambar bersama peserta Kursus Falak Syarie Daerah Klang.

6. Pegawai dan kakitangan Bahagian Falak Syarie yang hadir pada Bengkel Penyediaan Dokumen Iso Bahagian Falak Syarie.

7. Perbincangan ketika Bengkel Penyediaan Prosiding Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Seminar Selangor Maju: Peneraju Pembangunan Sosial Berteraskan Islam.

8. S.S Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor telah menerima kunjungan Ahli Jawatankuasa Masjid Kampung Lubuk Kelubi, Hulu Langat.

9. Perbincangan ketika Kursus Juruaudit Dalaman ISO Jabatan Mufti Negeri Selangor.



10. S.S Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor menerima Anugerah Pengurusan Kewangan Negeri Selangor serta Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) yang disampaikan Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor.

11. Titah perasmian Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Seminar Selangor Maju: Peneraju Pembangunan Sosial Berteraskan Islam.

12. Antara Tetamu Kehormat yang hadir pada Majlis Perasmian Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Seminar Selangor Maju: Peneraju Pembangunan Sosial Berteraskan Islam.

13. S.S Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor membaca doa sempena Majlis Perasmian Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Seminar Selangor Maju: Peneraju Pembangunan Sosial Berteraskan Islam.

14. Perbincangan ketika Program Audit Pemantauan MS ISO 9001: 2000.





HUKUM ORANG ISLAM MENYAMBUT PERAYAAN VALENTINE'S DAY

Oleh : Ustazah Norzila Bt. Mohd Nor (Bahagian Istisbat)

...budaya dan amalan meraikan Valentine's Day adalah dilarang sama sekali oleh agama Islam. Ini adalah kerana perayaan tersebut mengandungi unsur-unsur ritual dan kepercayaan agama Kristian serta amalannya yang bercampur baur dengan maksiat...

Pendahuluan

Perayaan Hari Kekasih atau Valentine's Day mula membudai di kalangan masyarakat kita khususnya generasi muda, sekitar akhir tahun 1980-an kesan dari budaya asing yang masuk melalui berbagai saluran media sama ada cetak mahupun elektronik. Perayaan ini dikenali sebagai perayaan hari berkasih sayang, yang menurut mereka adalah saat yang paling tepat untuk mengungkapkan perasaan cinta dan kasih sayang kepada orang yang dicintai atau dikasihi.

Antara contoh-contoh sambutan yang diadakan adalah melalui program TV yang ditayangkan atas nama "Valentine's Special". Di samping itu, jika kita tinjau persiapan yang dilakukan oleh golongan yang meraikannya, didapati mereka sibuk memilih kad-kad ucapan Hari Kekasih, menempah cenderahati, jambangan bunga dan tempahan untuk makan malam bagi merayakan hari tersebut bersama pasangan masing-masing. Pihak hotel pula menawarkan pakej-pakej istimewa seumpama 'Makan Malam Hari Kekasih atau Hidangan Makan Malam Romantik' dan sebagainya yang mempunyai tujuan untuk menyambut Hari Kekasih.

Namun, apa yang membimbangkan sejak kebelakangan ini ialah pesta perayaan Hari Kekasih dirayakan dengan pelbagai sambutan yang tidak bermoral seperti yang dilaporkan oleh media massa, mereka banyak menghabiskan malam perayaan tersebut dengan berpasangan-pasangan serta bergaul bebas dan sebahagiannya diakhiri dengan pesta seks.

Sejarah Permulaan Valentine's Day

Kebanyakan masyarakat khususnya generasi muda pada hari ini, hanya mengikut apa sahaja yang datang dari barat tanpa mahu mempersoalkan sama ada Valentine's Day wajar disambut ataupun tidak. Sebenarnya, Valentine's Day mempunyai hubungan yang rapat dengan sejarah, tradisi dan ajaran Kristian. Terdapat tiga pendapat mengenai asal-usul Valentine's Day :

- i. Valentine's Day bermula semasa pemerintahan empayar Rom iaitu dengan menetapkan 14 Februari sebagai hari cuti bagi orang Juno ratu kepada dewa-dewa dan dewi-dewi Rom. Hari berikutnya iaitu 15 Februari bermulanya Pesta Lupercalia iaitu perayaan tradisi bagi masyarakat Rom di mana pada malam pesta tersebut, nama-nama gadis Rom ditulis di atas kertas dan dimasukkan ke dalam bekas. Setiap pemuda akan mencabut nama di dalam bekas itu dan nama yang terpilih akan menjadi pasangannya di sepanjang pesta berlangsung.
- ii. Pendapat kedua menyatakan pada 14 Februari 270 Masihi, St. Valentine dibunuh kerana pertelingkahannya dengan Raja Romawi yang diperintah oleh Raja Claudius II (268-270M). Pada waktu itu Raja Claudius telah membatalkan semua perkahwinan dan pertunangan kerana Rom banyak terlibat di dalam peperangan. Menyedari hakikat itu, St. Valentine dan St. Marius telah mengahwinkan orang-orang Kristian dengan pasangan mereka secara rahsia. Akibat perbuatan tersebut, St. Valentine telah ditangkap dan diheret, yang akhirnya dihukum belantan

sehingga mati serta dipenggal kepalanya pada 14 Februari dalam tahun 270 Masihi. Bagi memperingatinya sebagai simbol ketabahan, keberanian dan kepasrahan dalam menghadapi cubaan hidup, maka 14 Februari dijadikan sebagai hari memperingati kematian St. Valentine sebagai upacara keagamaan.

- iii. Pendapat ketiga mengatakan Valentine's Day diambil daripada nama seorang paderi yang paling berpengaruh pada zaman pemerintahan Ratu Isabella dari Sepanyol iaitu St. Valentine yang status kedudukannya adalah di tempat kedua tertinggi selepas Pope. Apabila St. Valentine menyatakan hasrat untuk berkahwin dengan pasangannya dari pengamal protestan sewaktu kerajaan Sepanyol berjaya menumpaskan kerajaan Islam, timbul kegemparan rakyat Cordova kerana St. Valentine merupakan seorang Paderi Katolik yang tidak boleh berkahwin dengan pengamal Protestan, lebih-lebih lagi paderi sememangnya tidak boleh berkahwin. Tindakan St. Valentine yang mengambil keputusan berkahwin dengan pasangannya itu telah menimbulkan rasa murka Ratu Isabella, lalu memenjarakannya buat sementara waktu. Ratu menetapkan 14 Februari sebagai Hari Kekasih untuk St. Valentine sendiri.

Hujjah dan Dalil

Islam sangat prihatin dan menghendaki supaya umatnya mempunyai identiti yang tersendiri dan berbeza dengan identiti umat yang lain. Kerana itu penghayatan akidah Islam, pelaksanaan ibadah, muamalah dan akhlak serta tradisi-tradisi yang ada pada umat Islam tidak boleh sama dan serupa dengan umat lain. Dalam erti kata lain umat Islam tidak boleh mencampur adukkan akidah dan peribadatan agamanya dengan akidah dan peribadatan agama lain. Ini berdasarkan firman Allah S.W.T. ;

قُلْ يَتَايَيْتُهَا الْكَافِرُونَ ﴿١﴾ لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ ﴿٢﴾ وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا
أَعْبُدُ ﴿٣﴾ وَلَا أَنَا عَابِدٌ مَّا عَبَدْتُمْ ﴿٤﴾ وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ ﴿٥﴾
لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ ﴿٦﴾

Bermaksud:

"Katakanlah (wahai Muhammad): Hai orang kafir. Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah dan kamu tidak mahu menyembah (Allah) apa yang aku sembah. Dan aku tidak akan beribadat secara kamu beribadat dan kamu pula tidak mahu beribadat secara aku beribadat. Bagi kamu agama kamu, dan bagi aku agamaku."

(al-Kafirun ayat 1-6)

Demikian juga penampilan peribadi umat Islam tidak boleh sama dengan umat lain dalam hal-hal bersifat individu, misalnya dalam hal berpakaian, minuman, hiasan rumah, gaya hidup, penampilan

dan sebagainya. Hukum Islam jelas dalam hal melarang umatnya meniru atau menyerupai budaya dan cara hidup orang bukan Islam. Ini berdasarkan hadits Rasulullah S.A.W. :

Bermaksud : *"Sesiapa yang mengamalkan perkara yang bukan dari pada amalan kami maka ia akan ditolak."*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, budaya dan amalan meraikan Valentine's Day adalah dilarang sama sekali oleh agama Islam. Ini adalah kerana perayaan tersebut mengandungi unsur-unsur ritual dan kepercayaan agama Kristian serta amalannya yang bercampur baur dengan maksiat. Di dalam Islam, usaha untuk memupuk kasih sayang tidak semestinya dilakukan hanya pada hari tersebut sahaja kerana cinta merupakan satu proses yang berpanjangan dan berterusan sehingga seseorang menghembuskan nafasnya yang terakhir.

Keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali 1/2006 pada 21 Februari 2006 telah memutuskan bahawa :

"Amalan merayakan Valentine's Day tidak pernah dianjurkan oleh Islam. Roh perayaan tersebut mempunyai unsur-unsur Kristian dan amalannya yang bercampur dengan perbuatan maksiat adalah bercangah dan dilarang oleh Islam".

Mutiara Kata Oleh : Cik Maznah Bt. Hanipa (Bahagian Sistem Maklumat)

"...jika hati sejernih AIR, jangan biar ia KERUH... jika hati SEPUTIH AWAN, jangan biar ia MENDUNG... jika HATI seindah BULAN, hiasilah ia dengan IMAN dan TAQWA...."

Waktu kamu lahir, kamu menangis dan orang di sekelilingmu tersenyum. Jalanilah hidupmu sehingga pada waktu kamu meninggal, kamu tersenyum dan orang di sekelilingmu menangis...

Hidup tanpa cabaran dan dugaan ibarat hidup tanpa warna. Hidup dalam satu warna yang sama selamanya kita tak akan merasai keindahan dan kemanisan hidup serta tahap kematangan kita tanpa cabaran. Hidup dan cabaran dan dugaan ibarat isi dan kuku.

Tawaduk bukanlah bererti lemah, tegas tidak bererti kasar, beralah bukan bererti kalah, kalah bukan bererti salah.

Alaskan bantalmu dengan kejujuran, rebahkan tubuhmu dengan keikhlasan, selimutkan tubuhmu dengan kesabaran, semoga tidurmu dalam keimanan.

Kebekuan air mata itu dari kekerasan hati, kekerasan hati itu dari banyaknya dosa dari disebabkan angan-angan mencintai dunia dan cinta dunia itu sumber segala dosa.

Anda Bertanya

Jabatan Mufti Menjawab

Soalan 1:

Apakah hukum memakai lambang salib yang terdapat pada lencana sekolah, jersi bola sepak (luar negara), logo perniagaan, persatuan dan badan-badan tertentu yang terdapat dimana-mana pada hari ini?

الحمد لله والصلاة والسلام على رسول الله، وعلى آله وصحبه أجمعين

Jawapan:

Sebagai seorang Islam, adalah dikehendaki mengelakkan diri daripada sebarang usaha ke arah mempromosi atau melakukan publisiti Kristian, seperti memakai lambang salib yang menunjukkan ciri-ciri Kristian. Sekiranya ia merasa bangga dengan lambang salib yang dipakai maka hukumnya haram.

والله أعلم

Soalan 2:

Apakah hukum bayi tabung uji dan pernianian berhadas?

Jawapan:

Bayi tabung uji yang terhasil daripada benih suami isteri yang sah yang dicantumkan secara terhormat adalah sebagai anak sah menurut pandangan Islam. Sebaliknya, anak yang dicantumkan daripada benih bukan daripada suami isteri yang sah adalah tidak harus disahartarkan menurut syara'. Pernianian berhadas pula, yang dilakukan kepada manusia adalah haram, tetapi sekiranya air mani suami itu dikeluarkan secara 'muhtaram' maka ia diharuskan oleh syara'.

والله أعلم

Soalan 3:

Apakah hukum kita memakan buah-buahan yang diberi oleh orang bukan Islam yang telah digunakan untuk sembahsan (pemujaan) di tokong?

Jawapan:

Adalah haram memakan sebarang makanan yang telah digunakan sebagai bahan pemujaan sepertimana diharamkan memakan binatang yang disembelih atas nama berhala untuk sembahsan dan sebagainya walaupun binatang itu dari haiwan yang halal dimakan.

والله أعلم

Soalan 4:

Adakah saya perlu mendapatkan keizinan daripada suami saya terlebih dahulu untuk membelanjakan wang milik saya? Adakah saya dikira berdosa jika membelanjakan wang milik saya sendiri tanpa mendapat keizinan?

Jawapan:

Anda tidak perlu mendapatkan keizinan daripada suami anda untuk membelanjakan wang pendapatan anda sendiri, kerana wang tersebut adalah milik dan hak anda. Adalah lebih baik sekiranya anda memaklumkan terlebih dahulu kepada suami sebelum anda membelanjakannya bagi mengelakkan daripada sebarang perselisihan dan salah faham dalam keluarga anda.

والله أعلم

Soalan 5:

Adakah wang pinjaman daripada institusi kewangan yang mengenakan faedah untuk membeli rumah, kenderaan dan sebagainya itu dikategorikan sebagai "riba"?

Jawapan:

Riba menurut bahasa ialah "lebih", manakala pada syara' pula ialah lebih harta yang dikenakan tanpa ganti di dalam pertukaran harta dengan harta atau sebarang lebihan yang disyaratkan atau dijanjikan untuk diberi kepada si pemiutang bersabit dengan hutang yang diberi kepada si penghutang.

Pinjaman wang untuk membeli rumah, kenderaan, perkakas rumah dan sebagainya oleh mana-mana institusi kewangan atau individu yang mengenakan riba, hukumnya adalah haram. Sekiranya institusi kewangan itu hanya mengenakan bayaran perkhidmatan mengikut kadar yang tetap maka ia adalah harus.

والله أعلم

Soalan 6:

Bagaimanakah cara pengeluaran zakat hasil daripada padi dan kupon subsidi padi?

Jawapan:

Hasil pendapatan padi yang cukup nisab adalah wajib dikeluarkan zakatnya sebanyak 5% tanpa ditolak dengan sebarang kos yang dikeluarkan atau ditanggung oleh pengusaha tanaman padi (petani). Wang kupon subsidi padi pula adalah di kira sebagai harta "mustafad" dan wajib dikeluarkan zakatnya sebanyak 2.5% apabila cukup haul dan nisab.

والله أعلم

Soalan 7:

Seorang lelaki/perempuan telah bermalam di rumah tunangnya padahal di dalam rumah tersebut terdapat mahram (ahli keluarga) tunangnya. Apakah hukumnya menurut pandangan Islam?

Jawapan:

Hukum seorang lelaki/perempuan bermalam di rumah tunangnya adalah haram. Ini kerana boleh menimbulkan fitnah. Sebagai umat Islam amat dikehendaki agar sentiasa memelihara kehormatan diri dan kesucian maruahinya pada setiap masa, supaya tidak berlaku perkara yang boleh membawa kepada fitnah diri sendiri. Dari sudut akhlak pula, perbuatan seumpama ini dilihat sebagai kurang sopan dan tidak beradab serta melanggar tatasusila dalam sesebuah masyarakat Islam.

والله أعلم

Soalan 8:

Seorang lelaki telah menukar jantinya menjadi perempuan melalui pembedahan, demikian juga sifat-sifat fizikal dan gerak-gerinya telah berubah seperti seorang perempuan. Persoalannya, jika ia meninggal dunia, bagaimanakah cara untuk menguruskan jenazahnya?

Jawapan:

Seorang lelaki yang menukar jantina menjadi seorang perempuan melalui pembedahan atau dengan apa cara sekalipun, maka ia tetap dikira sebagai seorang lelaki. Semua 'amal ibadat yang wajib ke atasnya hendaklah dilakukan sepertimana ibadah seorang lelaki. Oleh itu, sekiranya ia meninggal dunia maka jenazahnya hendaklah diuruskan dan disempurnakan seperti jenazah seorang lelaki.

والله أعلم

Mutiara Kata Oleh: Cik Maznah Bt. Hanipa (Bahagian Sistem Maklumat)

Dunia ini umpama lautan yang luas, kita adalah kapal yang belayar dilautan, telah banyak kapal karam di dalamnya, andai muatan kita adalah iman dan layarnya taqwa, nescaya kita akan selamat dari tersesat dan karam di lautan kehidupan ini.

Jadikan dirimu sebagai pohon yang rendang di mana insan lain dapat berteduh. Jangan seperti pohon kering tempat sang pungguk melepaskan rindu dan hanya layak dibuat kayu api.

ایسو ۲ ایكونومي دان سوسيال دالم فتوى

اوليه: حاج محمد بصري بن حاج عمر (بهاگين استباط)

اكتيويٽي ايكونومي دان سوسيال اومت اسلام مملوكن كفتد فندوان حكوم باكي ممستيكن فرجالنن سلارس دغن شريعة اسلام. سلاين دري حكوم ۲ يڭ تله سديا اد مريك مرجوع كفتد فاكر اكام، سماء كورو اتاو توكوه يڭ لايق دالم بيدڭ اكام. نامون دالم ايسو تركيني يڭ تيدق تردافت حكوم، اومت اسلام اكن مرجوع كفتد فندغن دري سومبر فتوى. دمليسيا فتوى دفتوتوسكن اوليه مذاكرة جاوتنكواس فتوى كبغسائن باكي حال احوال اكام اسلام مليسيا دان دفرأكوكن اوليه نكري ۲ ملالوئي جاوتنكواس فتوى ستياڤ نكري. سلاين ايت جاوتنكواس فتوى نكري جوڭ ممقويائي بيدڭ كواس مومتوسكن فتوى يڭ برصفة ستمقت. كفتوتوسن فتوى سنتياس دفرهالوسي دري ماس كسماس برداسركن سواسان دان كفلوان اومت اسلام. بيراف فتوى مغنائي ايكونومي دان سوسيال تله دفتوتوسكن اوليه مذاكرة جاوتنكواس فتوى كبغسائن باكي حال احوال اكام اسلام مليسيا دان جاوتنكواس فتوى نكري سلاغور.

فتوى مغنائي اينسورن

قد تاهون 1972 دسلاغور تله تيمبول فرسؤالن حكوم مغنائي اينسورن يڭ قد كتيك ايت بلوم دوجودكن سيستم اينسورن اسلام. فتوى مومتوسكن بهاوا اينسورن برتنتغن دغن اجران اسلام تتافي دهاروسكن ددالم سواسان ايكونومي اومت اسلام كتيك ايت دان اي دهاروسكن سقدر كفلوان. ددالم كندوغن فتوى ترسوت ترووت منچادغن سوڤاي كاجين داداكن باكي فتوبوهن شريكت اينسورن اسلام دنكارا اين. قد تاهون 1979 مذاكره جاوتنكواس فتوى كبغسائن باكي حال احوال اكام اسلام مليسيا مومتوسكن اينسورن اداله حرام كران مغاندوغي اونسور غرار، ربا دان جودي. سلنجوتن تردافت اوسها كراجان اونتوق ملقساناكن اينسورن يڭ برتراسكن اسلام دغن فتوبوهن تكافل مليسيا قد تاهون 1984 دان دايكوتي اوليه بيراف شريكت اينسورن اسلام يڭ لآين سلفس ايت. اوليه يڭ دمكين كفلوان منداقت فرليندوغن اينسورن سجارا اسلام داقت دلقساناكن دسمقيغ منيغكتكن ايكونومي اومت اسلام.

فتوى مغنائي زكاة

افاكه فنداقتن دري سومبر كاجي واجب دكلواركن زكاة؟ فرسؤالن اين دتيمبولكن دان دينچغكن اكن لواس دمليسيا سكيتر تاهون 1986. مذاكرة جاوتنكواس فتوى كبغسائن باكي حال احوال اكام اسلام مليسيا قد 9 دسيمبر 1992 مومتوسكن بهاوا زكاة دري فنداقتن كاجي اداله واجب. اومت اسلام دبري قيلهن دغن بايرن زكاة ملالوئي فوتوغن كاجي بولنن. دسمقيغ ايت اكتا چوكاي فنداقتن 1967 فولا ممفراونتوقكن بايرن زكاة دتولق اتاو دكچواليكن قدر دري ممباير چوكاي فنداقتن. سلنجوتن قد تاهون 2001 كفتوتوسن جوڭ تله دبات اوليه جاوتنكواس فتوى نكري سلاغور تنتغ كواجيغن اومت اسلام دنكري اين اونتوق مغلواركن زكاة فنداقتن ملالوئي فوست زكات سلاغور. اساس فغيران زكاة كاجي دان فنداقتن تله دفتوتوسكن برداسركن كفتد فنداقتن كاسر ستاهون دغن قدر 2.5 فراتوس دري جمله فنداقتن. كفتوتوسن اين اداله ساتو فركمبغن يڭ بايق دالم اوسها فغوكوهن ايكونومي اومت اسلام. تريات افايلا زكاة فنداقتن بر كاجي دلقساناكن برسام زكاة لآين دنكري سلاغور كوتيقنن تله منچاڤاي ليه RM 107 جوتا قد تاهون 2004 دان 133.1 جوتا قد تاهون 2005.

وجودن شريكت ۲ فرنياكان اداله منجانا كفتد ايكونومي نكارا. سلاين دكناكن چوكاي فنداقتن اينستيتوسي ترسوت فرلو جوڭ منوناينكن زكاة مغيكوت فركيران يڭ دتشفكن. مذاكرة جاوتنكواس فتوى كبغسائن باكي حال احوال اكام اسلام مليسيا يڭ دكلواركن قد تاهون 1992 منجلسكن كواجيغن زكاة كاتس شريكت يڭ دميليكي برسام اورغ اسلام دان بوكن اسلام برداسركن

جملة ساهم يڠ دميليكي اوليه اورڠ اسلام. كفو توسن فتوى تاهون 2001 فولا مپاتاكن بهاوا واجب مغلواركن زكاة باكي سموا فريڠكن (perbankan) اسلام دان كاوتنر فريڠكن شريعة يڠ ايندوقن بوكن اسلام. سلائين ايت ترداقت فتوى ۲ بركايتن زكاة شريكت كشد شريكت مارا، كو فراسي شملين (Shamelin)، كومفولن واڠ سيمفنن فكريا (KWSP) دان لمباك تابوڠ حاج يڠ منجلسكن دري حكوم فمبايرن زكاة.

فتوى واڠ كومفولن واڠ سيمفنن فكريا (KWSP).

فتوى جوڠ ممبري فنجلسن ترهادف سيمفنن واڠ KWSP اوليه جاوتنكواس فتوى نكري سلاغور. چونتوهن فتوى يڠ دكلواركن قد تاهون 2001 مپاتاكن بهاوا واڠ سيمفنن KWSP داغكف سباكاي هرتا فوساك دان ترتعلق كشد حكوم فرائض باكي اهلي يڠ منيڠكل دنيا. قد تاهون 2005 فولا فتوى مغلاني واڠ KWSP باكي اهلي يڠ مملوق اكام اسلام يڠ دكيرا داقت مپلسايكن فرسوالن فنتيڠ مغلاني كاواغن. فتوى مپاتاكن بهاوا اورڠ بوكن اسلام تيدق برحق موارثي هرتا اورڠ اسلام دان بكيو جوڠ سباليقن. فنجلسن فتوى سقرتي اين تله داقت مپلسايكن فرسوالن ساودارا بارو دالم منتوكن كدودوقن كاواغن مريك دسمقيڠ منجادي سومبر رجوعكن سكيران برلاكو توتوتون دمحكمه.

فتوى سكيم چفت كاي

فغلييتن اورڠ اسلام ددالم سكيم چفت كاي جوڠ تيدق ترلفس دري دينيچڠكن دالم فتوى. فرسوالن اين تيمبول ممندڠكن مشاركت ددهكن دغن فلباكاكي سكيم يڠ منجنجيكن فولغن لوماين هيڠك منجادي جوتاون. ايسو سكيم چفت كاي فرلو دبري فنجلسن فتوى سوفاي مپلامتن اومت اسلام دري ترفاي دغن فيهي يڠ تيدق برتڠكوغجواب. مذاكرة جاوتنكواس فتوى كبغسائن باكي حال احوال اكام اسلام كالي ك 69 قد تاهون 2005 تله مموتوسن فغحرامن سكيم ترسبوت. فتوى اين ممبري فندوان سوفاي اومت اسلام مڠكوناكن واڠ دان هرتا كشد فلابورن يڠ حلال دان سنتياس براوسها لبيه كيات تنفا مڠهارفكن كسغن يڠ چفت.

فتوى بركايتن سوسيال

فمباغونن دان كماجوان تيدق مغلاني فلقسانان حكوم اسلام كران ترداقت ببراف كفو توسن فتوى يڠ تيدق مغوڠكوڠ مريك اونتوق تروس برسايڠ دغن چارا يڠ دشريعتكن. قد تاهون 1982 مذاكرة جاوتنكواس فتوى كبغسائن باكي حال احوال اكام اسلام مليسيا مغلواركن فتوى مڠهاروسكن درما داره كشد اورڠ اسلام تنفا مڠاسيڠكن فندرمان دغن بوكن اسلام. قد تاهون 1984 فتوى مموتوسن كهاروسن فميندهن ميت دري ساتو نكري كساتو نكري سكيران دالم كادائن ضرورة. قد تاهون 1984 كفو توسن فتوى بركايتن فمبدهن ميت (Post-mortem) اورڠ اسلام دبركن دالم كادائن فرلو (ضرورة). سلنجوتن حكوم فتوى مغلاني دهاروسن فغومين ميت دغن مڠكوناكن فتي دغن شرط موكان دبوك دان توبوهن دهادفكن كاره قبله. ترداقت ببراف فتوى تركيني برهوبوڠ دغن ايكونومي دان سوسيال يڠ بوليه دجاديكن فندوان اوليه اومت اسلام. سلائين ايت فتوى ۲ برهوبوڠ دغن عبادة، عقيدة دان معامله سوده ترسديا اونتوق دمنفعتكن دالم اوروسن كهيدوقن سهارين. كيني باهن رجوعكن اومت اسلام سماكين موده دغن وجودن لامن ويب جابتن مفتي سلاغور دان اي-فتوى (e-fatwa) يڠ دسدياكن دلامن ويب جابتن كماجوان اسلام مليسيا. فتوى ۲ يڠ دكلواركن اكن تروس مپلسايكن ايسو ۲ سماس يڠ سلاير يڠ دغن كماجوان دنيا هاري اين.

AJARAN ILMU HAKIKAT HASSAN BIN JONIT

Oleh : Ustazah Norzila Bt. Mohd Nor (Bahagian Istisbat)

LATAR BELAKANG

Hassan bin Jonit berasal dari Negeri Melaka. Alamat terakhir beliau di No. 14, Jalan 6/5, Taman Tasik Tambahan, Ampang, Selangor. Markas utama kumpulan ini bertempat di No. 20, Kampung Melayu, Jalan Kilang Papan, Kg. Batu Arang, 48050 Rawang, Selangor. Ajaran ini mula diperkenalkan di Melaka dan Singapura. Kebanyakan pengikutnya tidak mempunyai latar belakang agama yang kukuh yang terdiri dari pelbagai peringkat usia dan kerjaya.

CIRI-CIRI KESALAHAN

1. *Mendakwa Bertemu Dengan Allah*

Beliau mengaku telah bertemu dengan Allah melalui 'Ilmu Hakikat'.

2. *Mendakwa Bertemu Nabi Muhammad*

Beliau mengaku dirinya boleh bertemu dengan roh Nabi Muhammad melalui 'Ilmu Hakikat Roh', yang mana pertemuan tersebut berlaku ketika mengangkat nafas atau dengan istilah (Tanaffus). Beliau turut mengaku Hadis Qudsi adalah sebuah kitab yang mengisahkan hasil pertemuannya dengan Nabi Muhammad melalui Ilmu Hakikat Roh.

3. *Mendakwa Boleh Mentafsir Mimpi*

Beliau mengaku dirinya mempunyai keupayaan mentafsir mimpi. Segala tafsiran mimpi tersebut dijadikan panduan dan sampai satu peringkat dijadikan sumber hukum.

4. *Mendakwa Orang Yang Berdahi Hitam Tanda Memelihara Jin*

Beliau mendakwa orang-orang Islam yang mempunyai kesan sujud (tanda hitam) di dahinya adalah orang-orang yang memelihara jin.

5. *Menolak Adanya Hari Akhirat*

Semasa menyampaikan ajaran kepada pengikutnya, beliau menyatakan bahawa hari akhirat tidak wujud.

6. *Solat Pejam Mata*

Beliau mendakwa kaifiyyah (cara) menunaikan solat sama ada solat wajib atau sunat hendaklah dengan memejamkan mata. Menurutny, sekiranya seseorang imam yang menunaikan solat dengan mata terbuka nampak seperti khinzir.

7. *Mandi Wajib Dengan Celup Jari*

Beliau mendakwa mandi wajib memadai dengan mencelupkan jari di dalam air disertai niat.

8. *Melarang Berdoa Untuk Orang Lain*

Beliau mendakwa seseorang mukmin dilarang untuk mendoakan kesejahteraan mukmin yang lain.

9. *Wakil Guru Dari Luh Mahfuz*

Beliau mengaku dirinya sebagai 'wakil guru dari luh Mahfuz' yang dilantik khas ke bumi (Baladil Amin). Beliau juga mendakwa orang-orang yang mempercayai dan mengikuti pengajarannya akan selamat dunia dan akhirat.

10. *Wakil Guru Seluruh Dunia*

Beliau mengaku Nabi Muhammad telah memberikan dan mengijazahkan segala ilmunya kepada beliau sahaja di dalam dunia ini.

11. *Salah Tafsir Al-Quran*

Beliau telah mentafsirkan ayat potong di permulaan surah di dalam al-Quran (كهيعص) yang bermaksud yang menjaga dakwah diri kami di belakang hari. Ini terdapat di dalam kitabnya bertajuk (Amalan Tauhid, Bab Guru m.s. 71-74).

12. *Mencabar Pihak Berkuasa Agama*

Beliau mendakwa akan menurunkan malaikat untuk menghancurkan mana-mana pegawai agama yang mengambil tindakan terhadapnya. Beliau juga mendakwa bahawa semua ilmu yang ada padanya telah mendapat kepujian daripada Allah S.W.T.

13. *Mengarang Buku Yang Bertentangan Dengan Hukum Syara' buku tersebut mengandungi 19 bab seperti berikut :*

- | | |
|---------------------------|--------------------------------|
| 1. Bab Hakikat | 11. Bab Nabi 1 |
| 2. Bab Fatehah | 12. Bab Nabi 2 |
| 3. Bab Alhamdu | 13. Bab Tauhiduz Zat 1 |
| 4. Bab Bismillah | 14. Bab Tauhiduz Zat 2 |
| 5. Bab Al-Quran dan Kitab | 15. Bab Guru |
| 6. Bab Takbiratul Ehram | 16. Bab Sifat |
| 7. Bab Sembahyang | 17. Bab Ma'rifat |
| 8. Bab Kaum Ibu | 18. Bab Hati |
| 9. Bab Roh / Nyawa | 19. Mukaddimah Bagi Orang Baru |
| 10. Bab Ma'ni | |



* Fahaman dan ajaran Ilmu Hakikat oleh Hasan bin Jonit telah diwartakan sebagai ajaran salah/sesat pada 24 September 1998.

PENENTUAN DAN PENGESAHAN ARAH KIBLAT JANUARI-MAC 2006

BIL	NAMA SURAU/MASJID	TARIKH PENGESAHAN	AZIMUT KIBLAT
1	Surau Uitm Shah Alam	4/1/06	292°35'43.2"
2	Surau Darul Amin Kanchong Darat Banting	9/1/06	292°43'40"
3	Surau Hotel Impian Morib Banting	9/1/06	292°45'35"
4	Surau Panasonic Sek 23 Shah Alam	18/1/06	292°36'5.92"
5	Surau PULAPOT Kem Genting Klang	26/1/06	292°29'37.8"
6	Surau Tmn Rekreasi Hutan Lipur Kanching	26/1/06	292°28'09"
7	Surau HJ Marzuki Kg Sg Kelambu Banting	27/1/06	292°43'04"
8	Surau Kompleks Pasukan Simpanan Persekutuan FRU Cheras	7/2/06	292°33'15.7"
9	Surau Al-Kauthar 4/1 Fasa 4 Bandar Baru Bangi	8/2/06	292°36'47.2"
10	Surau Fakulti Senibina UITM Shah Alam	17/2/06	292°35'56"
11	Surau Al-Hidayah Parit 8 Ban 1 Sekinchan	9/2/06	292°25'03"
12	Surau Tebuk Hj Dahlan Parit 13 Sg Panjang	9/2/06	292°20'09"
13	Surau Al-Furqan Bandar Puncak Alam	13/2/06	292°31'48"
14	Surau Al-Hikmah Taman Kajang Raya	16/2/06	292°35'51.9"
15	Surau Taman Pinggiran USJ	22/2/06	292°35'51"
16	Surau Jln Pualam 7/32 Sek 7 Shah Alam	24/2/06	292°35'45"
17	Masjid Bandar Baru Sg Long Kajang	2/3/06	292°34'07"
18	Surau Al-Falah Taman Puncak Jalil	7/3/06	292°35'45"
19	Surau German Malaysian Institut (GMI) Bangi	7/3/06	292°37'03"
20	Surau Swedish Motor Sek 15 Shah Alam	8/3/06	292°35'49"
21	Surau Balai Islam Merdeka Villa Ampang	14/3/06	292°35'20.5"
22	Surau Pusat Islam UNISEL Btg Berjuntai	20/3/06	292°26'15.9"
23	Surau Al-Muhajirin USJ 1	23/3/06	292°35'36"
24	Surau IKANO Mutiara Damansara	23/3/06	292°32'19"



Pada 21 Mac, 2006 Jabatan Mufti Selangor telah mengadakan Majlis Penerangan Ajaran Ahmadiyah/Qadiani yang telah difatwakan terkeluar daripada Islam.

Di antara pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan oleh para peserta adalah:

- Tindakan yang benar-benar berkesan perlu dilakukan oleh pihak berkuasa bagi membendung kegiatan mereka.
- Penguatkuasaan undang-undang perlu dilakukan terhadap pengikut ajaran Ahmadiyah/Qadiani kerana dilihat semakin berani menjalankan kegiatannya dengan mempengaruhi kanak-kanak dan masyarakat.
- Pemantauan secara berterusan perlu dilakukan terhadap pengikut ajaran Ahmadiyah/Qadiani kerana mereka bebas menjalankan aktiviti di Baitussalam seperti kelas pengajian, sembahyang Jumaat, ibadah korban dan lain-lain.
- Pengikut ajaran Ahmadiyah/Qadiani mempengaruhi fikiran masyarakat yang kurang kefahamannya terhadap Islam.

Majlis ini turut dihadiri oleh tiga individu yang mengaku sebagai pengikut ajaran Ahmadiyah/Qadiani walaupun kehadiran mereka tidak diundang. Mereka ialah Ainul Yakin bin Md. Zin, Miljuan Hadjiran dan Abd. Aziz bin Md. Jini.

Pada sesi dialog dan soal jawab bersama S.S. Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor, salah seorang pengikut ajaran ini bernama Ainul Yakin bin Md. Zin mengakui bahawa dakwaan yang dibuat oleh Mirza Ghulam Ahmad bahawa dia seorang nabi yang diutuskan selepas Nabi Muhammad S.A.W. adalah benar.

Mutiara Kata Oleh: Cik Maznah Bt. Hanipa (Bahagian Sistem Maklumat)

Sukar untuk menjelaskan keikhlasan, lagi sukar untuk menzahirkan kejujuran tapi lagi sukar dan pahit untuk mengatakan ketulusan hati. Renungilah dan hargailah sesuatu yang bermakna itu kerana ia akan hilang.

Kebahagiaan itu ibarat seperti sebatang pohon yang rendang, tempat tumbuhnya adalah jiwa dan perasaan manusia, ketaqwaan kepada Allah adalah merupakan air, udara dan cahaya yang membantu pertumbuhannya.

Kita mulakan hidup dengan diperdengarkan alunan azan dan akhirnya hidup ini diakhiri dengan solat jenazah. Antara alunan azan dengan solat... alangkah singkatnya hidup ini...

Sayangkan Allah banyakkkan berzikir, sayangkan Rasul banyakkkan selawat, sayangkan akhirat ingatkan mati, sayangkan dunia banyakkkan istighfar.

Dalam kerendahan diri ada ketinggian budi, dalam kemiskinan harta ada kekayaan jiwa, dalam kesempitan hidup ada keluasan ilmu, hidup ini indah jika segalanya kerana Allah.

Hiburan adalah taman naluri, iman adalah kekasih hati, manusia ideal adalah insan yang tidak berubah kerana dunia, tetapi dia yang mengubah dunia dengan iman dan akhlakunya.

Kata pepatah "kita boleh jadi garam yang akan menyelamatkan ikan dari busuk, maka janganlah menjadi lalat yang merosakkan ikan" hiasi diri dengan keimanan bukan keegoan.